

# Kuatkuasa undang2 saja tidak mencukupi — Mahathir

## Didikan agama benteng utama basmi dadah

U.M. - 5 APR 1976

**K**UATKUASA undang-undang saja tidak cukup untuk membasmi pengaruh dadah tanpa moral yang tinggi di kalangan masyarakat sendiri, kata Dr. Mahathir Mohamad.

Kekuatan didikan agama, sikap menghormati dan bersopan-santun serta berpegang teguh kepada adat resam yang bermutu merupakan benteng yang dapat menghalang pengaruh-pengaruh tidak sihat.

Kiranya masyarakat dapat mengukuhkan nilai-nilai, penyalahgunaan dadah tidak akan menjadi-jadi sangat, kata Timbalan Perdana Menteri.

Beliau berucap merasmikan seminar tiga hari mengenai "Pendidikan pencegahan salahguna dadah" di Universiti Sains Malaysia di sini hari ini.

Penyalahgunaan dadah yang berleluasa di Barat disebabkan keruntuhan nilai dan kebudayaan termasuk pegangan kepada agama.

Kerana itu masyarakat di Malaysia hendaklah mengelak daripada penyerapan nilai-nilai yang tidak sihat itu.

Beliau memberitahu bahawa penyalahgunaan dadah bukanlah satu perkara baru di ne-

PULAU PINANG 2 APRIL

geri ini. Umpamanya di zaman penjajahan dulu candu dijual untuk membiayai sebahagian dari urusan pentadbiran kerajaan.

"Soal rosak moral dan jiwa penagih tidak dititik-beratkan dan apa yang diutamakan ialah perolehan hasil yang tinggi oleh kerajaan."

### Pengaruh

Walaupun pengaruh candu di kalangan orang-orang tua telah berakhir selepas perang dunia kedua tetapi dalam tahun tujuh puluhan penyakit itu menyerang semula dalam bentuk yang lebih buruk

menpengaruhi semua golongan termasuk para pelajar.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia dan

Klub Lions George Town, dari 16,166 pelajar yang ditemuduga di sekolah-sekolah di Pulau Pinang dan Selangor, lebih sepuluh peratus didapati menyalahgunakan dadah.

Penuntut-penuntut dalam lingkungan umur 13 tahun didapati mengambil ganja dan lain-lain jenis seperti pil tidur, ubat perangsang dan ubat penenteram.

Setelah meningkat usia 15 tahun, mereka menggunakan pula lain-

lain jenis dadah yang lebih berbahaya seperti narkotik yang lebih cepat menjadikan seseorang itu penagih.

Beliau memberitahu bahawa dalam masa enam bulan pertama tahun lalu 19 penuntut adalah di antara 275 orang pengedar dadah yang ditangkap.

Katanya, walaupun banyak perkara yang dilakukan di negara Barat berguna dan berfaedah tetapi sikap liberal terhadap dadah bukanlah berguna dan berfaedah.

Penyalahgunaan dadah bukanlah satu fenomena tempatan tetapi fenomena luar negeri yang diimport, kata Timbalan Perdana Menteri.